

# Tadbir urus korporat 100 firma terbesar di SGX kian baik

TADBIR urus korporat dalam kalangan 100 syarikat terbesar di Bursa Singapura (SGX) bertambah baik tahun lalu tetapi masih banyak ruang bagi memperbaikinya, menurut Kad Markah Tadbir Urus Korporat Asean.

Singapore Telecommunications Ltd (Singtel) mendahului senarai itu bukan sahaja di Singapura buat dua tahun berturut-turut, bahkan dalam kalangan lima negara lain, iaitu Indonesia, Malaysia, Filipina, Thailand dan Vietnam.

Ini diumumkan semalam dalam

satu kenyataan bersama Institut Pengarah Singapura serta Pusat Pengawalan, Institusi dan Pertubuhan (CGIO) Sekolah Perniagaan Universiti Nasional Singapura (NUS), yang menerbitkan kad markah itu.

Syarikat Singapura mencatat markah purata 70.7 daripada markah maksimum 128 mata. Markah terendah dan tertinggi syarikat Singapura ialah 43.9 mata dan 105.5 mata.

Syarikat-syarikat itu menunjukkan prestasi lebih baik dalam soal hak pemegang saham dan layanan

saksama kepada mereka.

Markah bagi ketelusan dan tanggungjawab lembaga pengarah syarikat Singapura tidak berubah.

“Syarikat Singapura, umumnya, menghadapi risiko diletak di belakang negara Asean lain jika mereka tidak mengukuhkan prestasi tadbir urus mereka,” kata Profesor Madya Lawrence Loh daripada NUS.

Dalam senarai syarikat Singapura, SGX menduduki tempat kedua, disusuli DBS Group Holdings, SMRT Corp dan Singapore Press Holdings Ltd (SPH).